

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 WP PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
E-mel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (62)
Tarikh : 7 September 2016

**Ketua Pengarang,
Makkal Osai**

Telah difakskan pada... **07 SEP 2016**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "DAPATKAH TARAF KEWARGANEGARAAN SEBELUM MENINGGAL DUNIA? WARGA TUA TERUSKAN USAHA 50 TAHUN" BERTARIKH 5 SEPTEMBER 2016, ISNIN – M.S: MUKA DEPAN

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh empat warga emas yang masih belum mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia.
3. Hasil semakan mendapati hanya penama Neela a/p Letchumanan telah mengemukakan permohonan taraf warganegara Malaysia di bawah Perkara 19 Perlembagaan Malaysia pada 29 Ogos 2012 dan permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pertimbangan dan keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan melalui surat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.
4. Bagi tiga (3) penama berikut iaitu Philomena a/p Michael, Seetha a/p Maniam dan Anthony a/l Ayathury hasil semakan mendapati kesemua mereka tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia. Sehubungan dengan itu, mereka perlu hadir ke mana-mana cawangan JPN berhampiran bagi mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia berdasarkan kelayakan dan peraturan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBrs. Tuan KPPN
 2. YBrs. TKPPN (P)
 3. YBhg. Dato' TKPPN (O)

RAKYAT DI HATI JPN

